



Sabah komited laksana pembudayaan integriti

...dalam perkhidmatan awam negeri

Oleh JOHN TAMBANAN

KOTA KINABALU: Ketua Menteri, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor berkata, kerajaan negeri Sabah komited untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif pembudayaan dan pengukuhan integriti dalam perkhidmatan awam negeri.

Beliau berkata, penganjuran Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah 2023 (KITA2023) adalah inisiatif perdana yang mendukung pemboleh daya ini ke arah kecemerlangan sistem pentadbiran negeri yang cekap berlandaskan integriti, akauntabiliti dan ketelusan.

Justeru itu katanya, lima strategi utama telah digariskan untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif pembudayaan dan pengukuhan integriti berkenaan iaitu pertama, melalui Komitmen Pengurusan Atas yang mana ia dapat dilihat melalui sokongan pengurusan tertinggi dalam memastikan negeri ini melonjak sebagai pelopor, peneraju dan penanda aras dalam pengurusan GIA (Governans, Integriti dan Antirasuah).

"Kedua, memantapkan kesedaran mengenai kepentingan penilaian risiko dalam organisasi yang mana pengurusan risiko rasuah dilaksanakan di setiap agensi untuk

meningkatkan kefahaman dan kesedaran pegawai agar bertanggung jawab dalam setiap tindakan dan kuasa yang diberi.

"Ketiga, memantapkan langkah kawalan membendung risiko dan ancaman isu integriti, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

"Keempat, keberkesanan pementauan dan penguatkuasaan dalam memastikan pematuhan oleh setiap pihak berkepentingan dalam organisasi di semua agensi kerajaan negeri.

"Manakala kelima, pemerkasaan latihan dan komunikasi nilai-nilai murni dalam meningkatkan pemahaman dan kemahiran pegawai kerajaan dalam membanteras isu integriti dan rasuah," jelas beliau.

Hajiji berkata demikian ketika merasmikan Konvensyen Integriti, Tadbir Urus dan Antirasuah (KITA) 2023 & Sesi Penyerahan Sijil Tamat Program Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) Siri 36 Bilangan 3 Tahun 2023 Kerajaan Negeri Sabah, di Sabah International Convention Centre (SICC) di sini, pada Isnin.

Menurut beliau, kerajaan negeri melalui Dasar Hala Tuju Sabah Maju Jaya sedang berusaha memulihkan dan membangunkan semula ekonomi negeri dan dalam masa



LANCAR... Hajiji meletakkan batu berlian sebagai simbolik perasmian KITA 2023 sambil disaksikan Safar (kiri) dan Azam (kanan).

yang sama turut memantapkan sistem penyampaian kerajaan, agar menjadi lebih cekap, telus, pantas dan tangkas.

Bagi mencapai usaha itu katanya, ia memerlukan penjawat awam yang berdedikasi, berdisiplin dan berintegriti dalam memikul dan menggalas tanggungjawab yang diamanahkan.

"Di Sabah, kerajaan negeri memetakan Hala Tuju Sabah Maju Jaya sebagai landasan dengan hasrat membawa citra inklusiviti, pemilikan bersama, kesatuan dan tang-

gungjawab setiap anak watan untuk menjayakan agenda pembangunan negeri.

"Pemboleh daya keempat dalam Hala Tuju Sabah Maju Jaya Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya 2021 - 2025 adalah Kecemerlangan Tadbir Urus Yang Berintegriti.

"Nilai integriti merupakan asas dan keperluan utama dalam mencapai misi dan visi yang telah disasarkan.

"Bagi tujuan ini, kecemerlangan tadbir urus boleh dicapai melalui empat strategi utama, iaitu mening-

katkan agenda antirasuah; penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja terbaik; memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang serta pembangunan pelan antirasuah organisasi," ujar beliau.

Pada majlis tersebut, Hajiji menyampaikan Sijil Apresiasi Penambahbaikan Tata Kelola Agensi (APTA) kepada Pejabat Daerah dan Tanah Kinta Perak, Pelabuhan Tanjung Pelepas Sdn. Bhd (PTP), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Kewangan Negeri Sabah (MPF Sabah).